

**ENAKMEN 7 TAHUN 2002
ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

BAHAGIAN VII - MASJID

Seksyen 86. Penubuhan masjid.

- (1) Majlis boleh pada bila-bila masa-
- (a) membenarkan sesuatu bangunan didirikan untuk digunakan sebagai masjid;
 - (b) membenarkan penggunaan mana-mana bangunan sebagai masjid; atau
 - (c) menetapkan mana-mana surau, madrasah atau bangunan lain menjadi masjid.
- (2) Majlis tidak boleh memberikan kebenarannya atau membuat penetapan di bawah subseksyen (1) melainkan jika tapak bangunan yang hendak digunakan sebagai masjid itu telah dijadikan wakaf yang berkekalan.
- (3) Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta* menentukan atau mengubah sempadan mana-mana kariah masjid.
-